

# Dimensi Personaliti Terhadap Pembudayaan Keusahawanan Dalam Kalangan Graduan di Malaysia

Mazdan Ali Amaran<sup>1</sup>, Rohana Jani<sup>2</sup>, Salbiah Edman<sup>3</sup>, Rosita Hamdan<sup>3</sup>  
dan Nur Fatimah Abdullah Bandar<sup>4</sup>

## ABSTRAK

“Bekerja sendiri” sebagai usahawan merupakan kerjaya yang harus diberi perhatian sebagai alternatif oleh para graduan selain makan gaji dalam usaha menghadapi masalah pasaran pekerjaan yang terhad dan kadar pengangguran yang tinggi di kalangan graduan. Oleh itu, pihak berwajib antaranya Kementerian Pengajian Tinggi (KPT) memainkan peranan penting dalam membudayakan keusahawanan dalam kalangan pelajar IPT dan graduan agar kerjaya usahawan menjadi pilihan setelah tamat pengajian. Justeru, kajian ini mengkaji tahap kompetensi pembudayaan keusahawanan dalam kalangan graduan di Malaysia dengan tumpuan terhadap mereka yang bekerja sendiri. Kajian ini menggunakan data primer yang dikumpul melalui survei Kajian Pengesanan Graduan dari tahun 2007 hingga 2009 yang melibatkan 3062 sampel graduan IPTA dan IPTS di Malaysia dan dianalisis menggunakan kaedah Analisis Faktor. Hasil kajian menunjukkan bahawa Sahsia Diri (kematangan, jati diri, keupayaan berdikari, keyakinan diri, berpengetahuan dan kebolehan menyelesaikan masalah serta membuat keputusan) dan Kemahiran Insaniah (keupayaan menyelesaikan masalah, kritis dan kreatif, analitikal, nilai-nilai positif dan kemahiran berkomunikasi) merupakan dua dimensi personaliti utama dalam diri seseorang graduan yang melibatkan diri dalam bidang keusahawanan.

JEL: L26

Kata kunci: Keusahawanan, dimensi personaliti, sahsiah diri, kemahiran insaniah, graduan.  
*Conference category: Business and finance*

## PENGENALAN

Pembudayaan keusahawanan merupakan satu proses jangka panjang dan berterusan bagi menarik minat semua lapisan masyarakat untuk menceburi bidang perniagaan dan ianya dimulakan dengan melibatkan golongan pelajar di peringkat sekolah rendah, menengah dan institusi pengajian. Sistem pendidikan memainkan peranan yang penting dalam mengembangkan dan membudayakan nilai-nilai keusahawanan terutama lepasan graduan supaya mereka tidak lagi cenderung untuk kerja makan gaji semata-mata sebaliknya memilih makan gaji sebagai pilihan terakhir mereka selepas tamat pengajian.

Penguasaan dalam bidang keusahawanan ini bukan sahaja pendedahan bagi ilmu teknikal malahan ilmu praktikal juga amatlah penting dalam proses penyerapan ilmu yang berkesan di kalangan generasi akan datang. Penyerapan ilmu keusahawanan yang berkesan dapat membangun dan memantapkan budaya keusahawanan di dalam masyarakat terutamanya lepasan graduan yang ingin menceburi bidang keusahawanan. Di sinilah terletaknya peranan sistem pendidikan dalam memperteguhkan nilai keusahawanan dan memantapkan lagi budaya keusahawanan terutamanya dalam kalangan graduan IPT. Penerapan semua nilai dan ciri keusahawanan ini penting bagi menjadikan suatu budaya yang subur dalam kehidupan sesebuah kelompok masyarakat.

---

<sup>1</sup> *Corresponding author:* Mazdan Ali Amaran, Fakulti Seni Gunaan dan Kreatif, Universiti Malaysia Sarawak, 94300 Kota Samarahan, Sarawak. Tel: 082581402 dan e-mail: [amazdan@faca.unimas.my](mailto:amazdan@faca.unimas.my).

<sup>2</sup> Fakulti Ekonomi dan Pentadbiran, Universiti Malaya, 50603 Kuala Lumpur. E-mail: [rohanaj@um.edu.my](mailto:rohanaj@um.edu.my)

<sup>3</sup> Fakulti Ekonomi dan Perniagaan, Universiti Malaysia Sarawak, Kota Samarahan, Sarawak.  
E-mail: [esalbiah@feb.unimas.my](mailto:esalbiah@feb.unimas.my) (Salbiah Edman) & [hrosita@feb.unimas.my](mailto:hrosita@feb.unimas.my) (Rosita Hamdan)

<sup>4</sup> Fakulti Sains Kognitif dan Pembangunan Manusia, Universiti Malaysia Sarawak, Kota Samarahan, Sarawak.  
Email: [abnfatimah@fcs.unimas.my](mailto:abnfatimah@fcs.unimas.my)